

**RINGKASAN PENCAPAIAN PROGRAM KEWARGANEGERAAN**  
**(Tempoh: 1 Februari 2013 hingga 21 Mei 2018)**

Jenis Kes	Jumlah Kes	Kes-Kes dalam Tindakan Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan	Kes-Kes dalam Tindakan Jabatan Pendaftaran Negara dan Lain-Lain Agensi	Kes-Kes Berjaya
[A] Daftar Lewat Sijil Kelahiran	114	63	25	26
[B] Daftar Lewat Kad Pengenalan	106	80	14	12
[C] Permohonan taraf Kewarganegaraan bagi penduduk Malaysia dengan status Pemastautin Tetap (Kad Pengenalan Merah) **	381	278	95	8
[D] Kes-kes Kanak-Kanak dengan Sijil Lahir taraf Bukan Warganegara	306	257	43	6
[E] Kes-kes Imigresen dan lain-lain kes	263	243	20	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1170</b>	<b>921</b>	<b>197</b>	<b>52</b>

**Nota:-**

- [A] Kes-kes daftar lewat melibatkan pendaftaran baru Sijil Kelahiran untuk penduduk-penduduk yang lahir kepada ibu atau bapa atau kedua-duanya yang merupakan warganegara Malaysia tetapi masih lagi belum memiliki dokumen kewarganegaraan yang sah.
- [B] Kes-kes daftar lewat melibatkan pendaftaran baru Kad Pengenalan untuk penduduk-penduduk yang lahir kepada ibu atau bapa atau kedua-duanya yang merupakan warganegara Malaysia tetapi masih lagi belum memiliki dokumen kewarganegaraan sah.
- [C] Kes-kes permohonan taraf kewarganegaraan adalah melibatkan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia (Kad Pengenalan Biru) bagi penduduk-penduduk yang hanya memiliki taraf pemastautin tetap (Kad Pengenalan Merah) sekarang.
- [D] Kes-kes Kanak-Kanak dengan Sijil Lahir taraf Bukan Warganegara biasanya melibatkan kanak-kanak yang mempunyai ibu warga asing yang berkahwin dengan warga Malaysia tetapi tidak mendaftarkan perkahwinan mereka mengikut undang-undang Malaysia.
- [E] Kes-kes imigresen dan lain-lain kes adalah biasanya melibatkan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia bagi warga asing yang telah berkahwin dengan penduduk Malaysia, warga asing yang menuntut kewarganegaraan melalui program Malaysia My Second Home, warga asing yang berminat untuk berkahwin dengan warganegara Malaysia, individu yang merupakan anak angkat, kehilangan kad pengenalan, menukar agama, masalah agama berlainan, pindahan kepada nama dalam Sijil Kelahiran dan sebagainya.